

1103/2

BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
OGOS 2019  
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>	-	<input type="text"/>	<input type="text"/>	-	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>				
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	---	----------------------	----------------------	---	----------------------	----------------------	----------------------

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM  
PERCUBAAN SPM  
2019**

BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**Soalan 1: Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah memulihara alam sekitar dan kepentingan penjagaannya kepada manusia. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Alam sekitar ialah anugerah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan manusia kerana kita banyak bergantung pada sumber semula jadi. Namun begitu, alam sekitar kini semakin tercemar kerana terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pencemaran, termasuklah pembuangan sampah di sungai, penggunaan baja kimia dan pembuangan sisa toksik.

Pemuliharaan terhadap alam sekitar amat penting untuk mengelakkan kepupusan. Ekosistem dan ekologi alam semula jadi akan terganggu apabila berlaku kepupusan flora atau fauna. Cuaca juga akan menjadi panas dan kering jika penebangan hutan dilakukan secara tidak terancang. Habitat semula jadi turut musnah jika pembakaran hutan dilakukan secara terbuka. Pelbagai jenis haiwan bergerak ke kawasan baharu untuk mencari tempat perlindungan. Akhirnya fenomena ini mengakibatkan kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Permasalahan alam sekitar memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pihak dan perlu ditangani secara bersama. Setiap lapisan masyarakat seharusnya menyuburkan amalan gaya hidup yang mengutamakan penggunaan sumber secara berhemah demi memulihara alam sekitar dan sumber yang semakin berkurang. Hutan yang menjadi sumber ekonomi negara juga perlu dipulihara dan diurus dengan baik untuk *memastikan kelangsungan* peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan manusia sejagat. Bencana banjir dan tanah runtuh yang kerap berlaku ada kaitan dengan kegiatan pembalakan dan kemusnahan hutan. Oleh itu, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu menghentikan kegiatan pembalakan haram untuk mengelakkan kejadian yang lebih buruk berlaku.

Pencemaran sungai terus berlaku di mana-mana sahaja sehingga menimbulkan pelbagai masalah. Pelbagai langkah boleh dilakukan untuk menyelamatkan sungai di negara kita, termasuk mengadakan Kempen Cintai Sungai secara bersepadu di seluruh negara. Dengan berbuat demikian, orang ramai sentiasa diingatkan tentang pentingnya menjaga sungai. Skop pendidikan di sekolah tentang alam sekitar juga perlu diperluas dalam usaha mendidik generasi muda agar menyedari kepentingan sungai.

Kerajaan juga telah mewujudkan hutan simpanan kekal yang diurus dan diklasifikasikan sebagai hutan perlindungan, hutan berhasil, hutan lipur dan hutan

penyelidikan dan pembelajaran. Kawasan hutan ini bukan sahaja menjadi habitat kepada haiwan, malah berperanan sebagai 'muzium hidup' yang memaparkan kehidupan alam semula jadi yang perlu dipelihara.

Dalam usaha menjaga alam sekitar, bukan kerajaan sahaja yang harus dipertanggungjawabkan, tetapi semua pihak perlu melibatkan diri secara aktif. Kempen kesedaran perlu ditingkatkan pada peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan masyarakat awam. Pelaksanaannya memerlukan kerjasama setiap individu dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). UMW Toyota telah menyumbangkan sebanyak RM6 juta bagi mendedahkan golongan pelajar sekolah terhadap kepentingan memelihara alam sekitar dan menghijaukan bumi.

Secara tuntasnya, alam sekitar yang sihat penting untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Semua pihak perlu bekerjasama menggembungkan tenaga dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar demi kehidupan yang berkualiti pada masa depan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Memelihara Alam Sekitar'  
oleh Samat Buang,  
Dewan Siswa, Disember 2016

### **Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

#### **Soalan 2(a) - Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memastikan kelangsungan*.  
[2 markah]
- (ii) Pengarang mengatakan bahawa penebangan hutan yang dilakukan secara tidak terancang akan menimbulkan pelbagai kesan negatif.  
Kemukakan kesan-kesan tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Tanggungjawab memelihara alam sekitar perlu dipupuk sejak kecil agar masyarakat sentiasa menjaga dan menghargainya.  
  
Huraikan peranan pihak sekolah untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan memulihara alam sekitar.  
[4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku memandang jaket kulit kijang itu lagi. Kalau dikira dalam ringgit Malaysia, harganya sekitar RM500.00. Jaket itu telah membawa kegembiraan kepada lelaki tua yang berjaya menjualnya kepada Shahmeem, Jaket kulit itu telah membawa kegembiraan kepada Shahmeem yang berjaya menjualkannya semula kepadaku. Jaket kulit itu telah membawa kegembiraan kepadaku kerana dapat menghangatkan badan sepanjang perjalanan di Selat Bosphorus yang dingin.

Tiba-tiba tercetus semalam hasrat untuk memanjangkan rasa gembira itu kepada orang lain. Bagaimana kalau aku menjualnya di kedai menjual pakaian terpakai yang selalu aku kunjungi di tanah air? Aku tahu bahawa tidak mungkin boleh menjualnya tanpa mengalami kerugian. Seratus ringgit pun barangkali terlalu mahal untuk tauke kedai itu. Aku rela menerima harga yang jauh lebih rendah asalkan pekedai itu gembira. Bakal pembelinya juga pasti gembira kerana mendapat jaket kulit dengan harga yang murah. Aku berharap agar bakal pemakainya kelak sedar bahawa jaket kulit itu merupakan sisa orang dan tidak berasa bongkak.

Aku akan mencari jalan untuk mendermakan wang jualan jaket kulit itu kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang. Sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang telah dibunuh demi gaya hidup yang penuh kemodenan.

Dipetik daripada cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’  
oleh Maskiah Haji Masrom  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan hasrat penulis sekembalinya ke tanah air. [2 markah]
- (ii) Aktiviti melancong ke luar negara memang menyeronokkan. Namun begitu ramai yang tertipu kerana sikap kurang berhati-hati.  
Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengelakkan pelancong menjadi mangsa penipuan semasa melancong? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan penulis yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** perwatakan penulis yang lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?"

Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku."

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja *tiada muafakat* dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar."

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?"

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *tiada muafakat*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Seri Nara Diraja apabila Tun Nina Madi lalu di hadapannya? [3 markah]
- (iii) Keamanan dan kemajuan sesebuah negara bergantung pada pucuk pimpinan negara tersebut.  
Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan untuk menjadi pemimpin berkaliber? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang kesakitan  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Suara Anak Pahang, 2009  
Antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak di atas, apakah perasaan yang dialami oleh penyajak? [2 markah]
- (ii) Yang tua dihormati,  
Yang muda disayangi.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan golongan muda menghargai warga emas? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran berdasarkan sajak tersebut. [4 markah]

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Tidak ada yang tahan lama  
kecuali emas yang selalu bertambah.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

Barisan emas  
dalam gelang dan cincin  
berkilauan di dalam gelapnya malam.

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan**

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- |                |   |          |
|----------------|---|----------|
| (i) kos        | - | kes      |
| (ii) inisiatif | - | insentif |
| (iii) format   | - | formula  |

**[6 markah]**

- (b) Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)** atau **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS)**.

- (i) Tun Dr. Mahathir ialah Perdana Menteri Malaysia yang amat berwibawa.
- (ii) Pemandangan di tepi tasik buatan manusia pelukis terkenal itu sangat cantik.
- (iii) Keharmonian negara memerlukan ikatan perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.
- (iv) Perbuatan rasuah akan menjelaskan integriti penjawat awam dan swasta di sesebuah negara.
- (v) Anugerah Pelakon Paling Popular itu daripada pihak TV3.
- (vi) Persekuturan tempat tinggal yang bersih menjamin keselesaan dan keselamatan para penghuninya.

**[6 markah]**

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kemerosotan ahklak golongan remaja telah sampai ke peringkat yang kritikal dan memperlukan komitmen daripada semua pihak untuk membendungnya.

- (ii) Setiap hari, Munir akan menghantar kueh-mueh yang membuat oleh ibunya ke warung Pak Hamzah sebelum dia pergi ke sekolah.
- (iii) Seni mempertahankan diri perlu mempelajari oleh semua orang sebagai langkah untuk menjaga keselemanan nyawa dan harta benda kita.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Puan Aznira amat berharap yang suaminya akan melepaskan sikap panas barannya kerana boleh menggugat keharmonian rumah tangga mereka.
- (ii) Oleh kerana tidak mendapat kerjasama penuh daripada penduduk setempat, pelbagai langkah untuk membuang penjualan cakera padat cetak rompak di negara ini kurang berjaya.
- (iii) Plastik sampah makanan yang bertempiaran di tengah padang itu telah dikumpulkan oleh kami semasa gotong-royong perdana petang tadi.

[6 markah]

(e) Baca setiap ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai berdasarkan ayat tersebut.

- (i) Ayah tidak akan meminta Rahmat membaiki motosikalnya lagi kerana dia selalu menambahkan kerosakan pada barang yang dibaikinya.
- (ii) Sakinah tidak mahu membantu mak ciknya yang telah banyak berjasa kepada keluarganya setelah dia menjadi seorang ahli perniagaan terkenal.
- (iii) Walaupun Tuan Malik telah meninggal dunia enam tahun yang lalu, namun setiap jasa dan sumbangannya kepada penduduk kampung masih menjadi sebutan ramai.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca. **[7 markah]**

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari,uraikan **satu** pengajaran tentang hormat-menghormati bagi setiap novel.

**[8 markah]****KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**